

Tajuk : Kita Bersatu

 Menulis

Arahan:

Isikan jawapan di tempat kosong. Salin semula karangan pendek di bawah.

meriah	harmoni	hormat-menghormati
bersatu-padu	pakaian tradisional	bersorak



Pada hari Sabtu lalu, penduduk Taman Bahagia mengadakan sambutan Hari Perpaduan. Semua kaum datang dengan memakai _____ yang berwarna-warni. Kanak-kanak Melayu, Cina, India dan kaum lain bermain bersama-sama dengan gembira. Mereka bekerjasama menghias dewan dan menyediakan makanan tradisional. Ada yang memasang bendera, menyusun kerusi dan membersihkan kawasan dewan. Suasana menjadi _____ kerana semua penduduk saling bantu-membantu. Selain itu, mereka turut menyertai pertandingan tarian dan nyanyian. Semua orang _____ dan memberi sokongan kepada peserta tanpa mengira kaum. Sikap _____ dapat mengeratkan hubungan antara masyarakat. Kesimpulannya, perpaduan sangat penting dalam kehidupan kita. Kita mestilah hidup _____ agar negara sentiasa aman dan _____.